

D.R. 13/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Penerbangan Awam 1969.

[]

MAKA INILAH DJPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Penerbangan Awam (Pindaan) 1991 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Seksyen 2 (1) Akta Penerbangan Awam 1969, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda— Pindaan seksyen 2. Akta 3.
 - (a) dengan memasukkan, selepas tafsiran "kerosakan atau kerugian" tafsiran baru "Ketua Pengarah" yang berikut:

' "Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Penerbangan Awam, Malaysia;';
 - (b) dengan memasukkan, selepas tafsiran "krew", tafsiran baru "lapangan terbang" yang berikut:

' "lapangan terbang" termasuklah tanah dan bangunan-bangunan yang terkandung dalam sesuatu padang terbang;'; dan

(c) dengan memasukkan, selepas tafsiran "padang terbang Kerajaan", tafsiran baru "syarikat berlesen" yang berikut:

' "syarikat berlesen" ertinya syarikat yang kepadanya lesen dikeluarkan oleh Menteri di bawah seksyen 24A(1);'.

Bahagian
baru 1A.

3. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 2, Bahagian baru 1A yang berikut:

BAHAGIAN 1A

KEWAJIPAN-KEWAJIPAN DAN TUGAS-TUGAS KETUA PENGARAH PENERBANGAN AWAM, MALAYSIA

Ketua
Pengarah
Penerbangan
Awam,
Malaysia.

2A. Ketua Pengarah Penerbangan Awam, Malaysia hendaklah melaksanakan kewajipan-kewajipan dan tugas-tugas yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini.

Kewajipan-
kewajipan
dan tugas-
tugas Ketua
Pengarah.

2B. (1) Adalah menjadi kewajipan dan tugas Ketua Pengarah—

(a) untuk menjalankan tugas-tugas pengawalseliaan berkenaan dengan penerbangan awam dan perkhidmatan-perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan, termasuk penetapan standard-standard dan penguatkuasaannya;

(b) untuk mewakili Kerajaan berkenaan dengan perkara-perkara penerbangan awam dan untuk membuat segala perkara yang perlu bagi maksud ini;

(c) untuk memastikan perkembangan penerbangan awam yang selamat dan teratur di seluruh Malaysia;

- (d) untuk menggalakkan pembangunan kemudahan-kemudahan jalan udara, lapangan terbang dan penerbangan udara bagi penerbangan awam;
- (e) untuk menggalakkan pengadaaan perkhidmatan-perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan yang cekap oleh syarikat berlesen; dan
- (f) untuk mempertingkatkan kepentingan pengguna-pengguna perkhidmatan-perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan di Malaysia dari segi harga-harga yang dikenakan bagi, dan mutu dan kepelbagaian, perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan oleh syarikat berlesen."

4. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, dalam seksyen 3 (2)— Pindaan seksyen 3.

- (a) selepas sahaja perenggan (d), perenggan baru (dd) yang berikut:

"(dd) pelesenan, pemeriksaan dan pengawalseliaan padang-padang terbang, bagi akses ke padang-padang terbang dan tempat-tempat di mana kapal-kapal udara telah mendarat dan bagi melarang atau mengawalselia penggunaan padang-padang terbang tak berlesen;" dan

- (b) selepas sahaja perenggan (n), perenggan baru (nn) yang berikut:

"(nn) menetapkan caj-caj dan fee-fee bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan di sesuatu lapangan terbang dan bagi membuat peruntukan untuk mendapatkan caj-caj dan fee-fee itu;"

Seksyen
baru 5A.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja seksyen 5, seksyen baru 5A yang berikut:

"Menteri boleh membenarkan sesuatu syarikat yang mempunyai lesen menubuhkan, dll., padang terbang. 5A. Menteri boleh membenarkan mana-mana syarikat yang mempunyai lesen menubuhkan, dll., padang terbang menyenggarakan dan mengendalikan sesuatu padang terbang tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan."

Pemotongan
seksyen 6 (4).

6. Seksyen 6 Akta ibu adalah dipinda dengan memotong subseksyen (4).

Pindaan
seksyen 6B.

7. Seksyen 6 B Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong tafsiran "Ketua Pengarah"; dan

(b) dengan memasukkan, selepas tafsiran "pihakberkuasa penerbangan awam", tafsiran baru "tarikh perpindahan" yang berikut:

" "tarikh perpindahan" ertinya tarikh mana-mana harta ditetapkan di sesuatu lapangan terbang ditetapkan, yang Kerajaan Malaysia berhak kepadanya, berpindah kepada suatu syarikat menurut kuasa Akta Perkhidmatan-Perkhidmatan Lapangan Terbang dan Penerbangan (Syarikat Pengendali) 1991;".

Akta

Pindaan
seksyen 60.

8. Seksyen 60 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan "segala terimaan berkenaan dengan" dalam subseksyen (1) (c), perkataan "apa-apa lesen yang dikeluarkan atau"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "sebelum tarikh yang ditetapkan" dalam subseksyen (1)(c)(ii) dengan perkataan "kepada pihakberkuasa penerbangan awam selepas tarikh perpindahan".

Pemotongan
seksyen 18.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 18.

10. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan Bahagian 8A dengan Bahagian 5A baru yang berikut: Penggantian Bahagian 5A.

“

BAHAGIAN 5A

LESEN UNTUK MENGADAKAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN LAPANGAN TERBANG DAN PENERBANGAN DI SESUATU LAPANGAN TERBANG

Kuasa Menteri untuk memberikan lesen bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan di sesuatu lapangan terbang.

24A. (1) Menteri boleh memberikan lesen kepada sesuatu syarikat yang dinamakan oleh Kerajaan Malaysia di bawah seksyen ini untuk menjalankan apa-apa fungsi Jabatan Penerbangan Awam, atau untuk mengadakan apa-apa perkhidmatan, di dalam sesuatu lapangan terbang; dan sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai syarikat berlesen ialah sebutan-sebutan mengenai syarikat yang dinamakan dan dilesenkan sedemikian di bawah seksyen ini.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah menyatakan perkara-perkara yang berikut:

- (a) tugas yang akan dijalankan atau perkhidmatan-perkhidmatan yang akan diadakan oleh syarikat itu; dan sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai mana-mana perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan ialah sebutan-sebutan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan sedemikian oleh syarikat itu;
- (b) pematuhan oleh syarikat itu akan standard-standard prestasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan 2B(1)(a);
- (c) lapangan terbang atau lapangan-lapangan terbang yang akan dikendalikan oleh syarikat itu; dan sebutan-sebutan dalam Akta ini mengenai mana-mana lapangan

terbang ditetapkan ialah sebutan-sebutan mengenai sesuatu lapangan terbang yang dikendalikan oleh syarikat itu;

- (d) tempoh lesen itu;
- (e) fee tahunan yang kena dibayar oleh syarikat itu;
- (f) kewajipan-kewajipan tertentu syarikat itu berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan olehnya; dan
- (g) apa-apa perkara atau syarat lain yang difikirkan patut oleh Menteri,

(3) Pengeluaran lesen kepada sesuatu syarikat di bawah subseksyen (1) tidaklah mengenakan apa-apa tanggungan pada Kerajaan Malaysia bagi apa-apa kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh apa-apa perbuatan, ketinggalan atau kemungkiran syarikat itu.

Kuasa syarikat berlesen untuk memungut caj dan fee.

24B. Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini atau Akta Prosedur Kewangan 1957, segala caj dan fee yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat menurut perenggan 3 (2) (n) dan (nn) Akta ini bagi pendaratan, peletakan dan penyimpanan kapal-kapal udara dan pengadaan apa-apa perkhidmatan di sesuatu lapangan terbang hendaklah, dalam hal suatu lapangan terbang ditetapkan, dipungut oleh syarikat berlesen dan menjadi sebahagian daripada hasil syarikat itu.

Penge-mukaan memo-randum bagi apa-apa perubahan pada caj-caj dan fee-fee yang sedia ada.

24c. (1) Syarikat berlesen boleh mengemukakan suatu memorandum kepada Menteri yang mengandungi cadangan-cadangan bagi apa-apa perubahan pada caj-caj dan fee-fee yang sedia ada yang ditetapkan di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah perenggan 3 (2) (n) dan (nn) bagi kelulusan Menteri.

(2) Menteri hendaklah menimbangkan memorandum itu dalam masa enam bulan dari pengemukaannya.

(3) Jika Menteri meluluskan memorandum itu, dia boleh menjadikan kelulusannya itu tertakluk kepada apa-apa ubahsuaian yang difikirkannya patut pada cadangan-cadangan dalam memorandum itu.

(4) Jika Menteri menolak memorandum itu, syarikat berlesen itu boleh, jika ada perubahan hal keadaan yang berhubungan dengan cadangan-cadangan dalam memorandum itu, memohon kepada Menteri supaya keputusannya dikaji semula:

Dengan syarat bahawa permohonan itu hendaklah dibuat sebelum habis tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis tentang penolakan memorandum itu.

(5) Menteri hendaklah menimbangkan permohonan itu dalam masa tiga bulan dari pengemukaannya.

Menteri hendaklah membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perubahan pada caj-caj dan fee-fee.

24D. Jika Menteri meluluskan memorandum, dengan atau tanpa apa-apa ubahsuaian, dia hendaklah dengan seberapa segera yang praktik membuat peraturan-peraturan di bawah perenggan 3 (2) (*n*) dan (*nn*) berkenaan dengan perubahan pada caj-caj dan fee-fee yang sedia ada.

Kewajipan-kewajipan am syarikat berlesen.

24E. (1) Adalah menjadi kewajipan syarikat berlesen untuk memastikan bahawa perkhidmatan-perkhidmatan yang diadakan olehnya menepati standard-standard prestasi yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah di bawah perenggan 2*B*(1)(*a*).

(2) Syarikat berlesen hendaklah memberikan perhatian yang sewajarnya kepada kecekapan, keekonomian dan keselamatan pengendalian

berkenaan dengan perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan olehnya.

Penalti
am.

24F. Jika syarikat berlesen melanggar atau tidak mematuhi mana-mana syarat lesen atau mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang baginya tiada penalti diperuntukkan dengan nyata, ia adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada lima tahun atau kedua-duanya.

Kesalahan
yang di-
lakukan
oleh
pertubuhan
perbadanan.

24G. Jika suatu kesalahan di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya dilakukan oleh suatu pertubuhan perbadanan (sama ada atau tidak pertubuhan perbadanan itu telah didakwa), tiap-tiap pengarah, setiausaha atau pengurus pertubuhan perbadanan itu hendaklah disifatkan melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa dipersetujui atau dibiarkan olehnya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha wajar untuk mencegah pelakuan kesalahan itu sebagaimana yang sepatutnya dijalankan olehnya memandangkan jenis tugas-tugasnya atas sifat itu dan memandangkan segala hal keadaan kes itu.

Kuasa
pemeriksaan
Ketua
Pegarah.

24H. Ketua Pegarah boleh, bagi maksud-maksud Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, masuk ke mana-mana premis yang diduduki oleh syarikat berlesen untuk memeriksa dan meneliti keadaan premis itu atau mana-mana bangunan atau kemudahan di dalamnya.

Peng-
gantungan
atau
pembatalan
lesen kerana
melanggar
syarat lesen.

24I. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa syarikat berlesen melanggar, atau telah melanggar dan mungkin akan melanggar lagi, mana-mana syarat lesennya, Ketua Pengarah boleh memberikan notis secara bertulis kepada

syarikat berlesen menghendakinya mematuhi syarat itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam notis itu.

(2) Jika semasa tempoh yang ditetapkan dalam notis itu tamat syarikat berlesen gagal mematuhi syarat yang tersebut di dalamnya, Ketua Pengarah hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Menteri tentang kegagalan syarikat berlesen itu dan laporan itu hendaklah dalam bentuk yang dianggap sesuai oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika, selepas menimbangkan laporan daripada Ketua Pengarah, Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran-pelanggaran itu, atau pelanggaran-pelanggaran yang dikhuatiri itu, bersifat serius atau menyentuh atau mungkin menyentuh kepentingan atau keselamatan awam dan bahawa syarikat berlesen telah enggan mengambil atau telah tidak mengambil segala langkah yang didapati perlu oleh Menteri bagi maksud memastikan pematuhan syarat yang berkenaan, Menteri boleh memberi syarikat berlesen notis yang menyatakan bahawa dia bercadang hendak menggantung atau membatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, lesennya dan notis itu hendaklah juga menerangkan atau menyatakan—

- (a) syarat lesen yang dilanggar oleh syarikat itu dan perbuatan-perbuatan atau ketinggalan-ketinggalan yang menjadi pelanggaran itu; dan
- (b) tempoh (yang tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu) yang dalam masanya syarikat berlesen boleh membuat representasi-representasi berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan selepas menimbangkan

apa-apa representasi yang dibuat oleh syarikat berlesen, Menteri boleh memutuskan sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu atau tidak mengambil tindakan lanjut.

(5) Notis hendaklah diberikan kepada syarikat berlesen oleh Menteri tentang keputusannya dan keputusan itu hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh notis tersebut disampaikan pada syarikat itu.

(6) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.

Peng-
gantungan
atau
pembatalan
lesen kerana
melanggar
Akta ini atau
peraturan-
peraturan
di bawah-
nya.

24I. (1) Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa syarikat berlesen telah melanggar atau tidak mematuhi mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dia hendaklah mengemukakan suatu laporan kepada Menteri tentang pelanggaran oleh atau ketakpatuhan syarikat berlesen itu.

(2) Jika, selepas menimbangkan laporan daripada Ketua Pengarah, Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran atau ketakpatuhan itu serius sifatnya atau menyentuh atau mungkin menyentuh kepentingan atau keselamatan awam dia hendaklah memberi syarikat berlesen notis yang menyatakan bahawa dia bercadang hendak menggantung atau membatalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, lesennya dan notis itu hendaklah juga menerangkan atau menyatakan—

- (a) peruntukan Akta ini atau peraturan yang dibuat di bawahnya yang dilanggar oleh syarikat dan perbuatan-perbuatan atau ketinggalan-ketinggalan yang menjadi pelanggaran itu; dan
- (b) tempoh (yang tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh notis itu) yang dalam masanya syarikat berlesen boleh membuat representasi-representasi berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam notis itu dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh syarikat berlesen, Menteri boleh memutuskan sama ada hendak meneruskan tindakan yang dicadangkan itu atau tidak mengambil tindakan lanjut.

(4) Notis hendaklah diberikan kepada syarikat berlesen oleh Menteri tentang keputusannya dan keputusan itu hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh notis tersebut disampaikan pada syarikat itu.

(5) Keputusan Menteri di bawah seksyen ini adalah muktamad dan konklusif.

Kuasa
khas
semasa
darurat.

24K. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, apabila berlaku apa-apa kerusuhan perindustrian, mogok, sekat-masuk atau apa-apa kejadian lain yang menyebabkan darurat, atau demi kepentingan keselamatan awam, memberikuasa Menteri—

(a) menggantung lesen syarikat berlesen, mengambil milikan sementara mana-mana lapangan terbang ditetapkan dan mengendalikan apa-apa perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan di situ melalui Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia, atau mengikut cara yang difikirkan patut oleh Menteri; atau

(b) menarik balik sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya penggunaan mana-mana lapangan terbang daripada mana-mana orang atau golongan orang atau daripada orang awam pada umumnya.

(2) Jika berbangkit apa-apa keraguan tentang kewujudan darurat atau sama ada apa-apa tindakan yang dilakukan di bawah subseksyen (1) adalah demi kepentingan keselamatan awam, maka suatu perakuan yang ditandatangani oleh Yang di-Pertuan Agong dan dipamerkan di mana-mana tempat yang difikirkan patut oleh

Menteri hendaklah menjadi bukti konklusif mengenainya.

(3) Jika Kerajaan mengambil milikan mana-mana lapangan terbang ditetapkan di bawah perenggan (a) subseksyen (1), pampasan yang cukup hendaklah dibayar.

Penggunaan, pendudukan, dll., tanah di Melaka dan Pulau Pinang di bawah Perkara 166(3).

24L. Jika mana-mana tanah di Melaka atau Pulau Pinang diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah fasal (3) Perkara 166 Perlembagaan, maka Pihak Berkuasa Negeri boleh, jika diminta sedemikian oleh Menteri, apabila dibuat permohonan secara bertulis oleh syarikat berlesen—

- (a) membenarkan keseluruhan atau sebahagian daripada tanah itu diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan oleh syarikat berlesen atas terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui di antara Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, dan syarikat berlesen; atau
- (h) memberimilik tanah itu kepada syarikat berlesen atas terma-terma dan syarat-syarat yang dinyatakan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah dan mengikut Kanun Tanah Negara, dan dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan."

Pemotongan seksyen 7A.

11. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 27A.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Penerbangan Awam 1969 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 1* membuat peruntukan mengenai tajuk ringkas dan permulaan kuatkuasa.

3. *Fasal 2* bertujuan memasukkan takrif baru "lapangan terbang", "Ketua Pengarah" dan "syarikat berlesen".

4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan Bahagian baru 1A. Seksyen 2A yang dicadangkan, yang terkandung dalam Bahagian baru 1A, membuat peruntukan bagi Ketua Pengarah Penerbangan Awam, Malaysia, melaksanakan tugas-tugas dan fungsi-fungsi yang diberikan kepadanya di bawah Akta ini. Dengan penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan, memanglah dijangkakan bahawa Ketua Pengarah akan perlu melaksanakan fungsi-fungsi tertentu, khususnya, perjalanan fungsi-fungsi pengawalseliaan berkenaan dengan pengadaan perkhidmatan-perkhidmatan lapangan terbang dan penerbangan termasuk penetapan standard-standard dan penguatkuasaannya. Oleh yang demikian seksyen 2B yang dicadangkan bagi Bahagian 1A menyatakan tugas-tugas dan fungsi-fungsi Ketua Pengarah.

5. *Fasal 4* bertujuan memasukkan dua perenggan baru (*dd*) dan (*nn*) ke dalam seksyen 3 (2). Perenggan baru (*dd*) membuat peruntukan mengenai pelesenan, pemeriksaan dan pengawalseliaan padang-padang terbang, mengenai akses ke padang-padang terbang dan tempat-tempat di mana pesawat-pesawat udara telah mendarat dan bagi melarang atau mengawalselia penggunaan padang-padang terbang tak berlesen. Perenggan baru (*nn*) memberi Menteri kuasa untuk membuat peraturan-peraturan yang menetapkan caj-caj dan fee-fee bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan di sesuatu lapangan terbang ditetapkan dan yang membuat peruntukan tentang mendapatkan caj-caj dan fee-fee sedemikian.

6. *Fasal 5* bertujuan memasukkan seksyen baru 5A untuk memberi Menteri kuasa untuk membenarkan mana-mana syarikat yang diberi lesen menubuhkan, menyenggarakan dan mengendalikannya sesuatu padang terbang. Sekarang ini kuasa itu hanya tersirat dalam Akta ini.

7. *Fasal 9* bertujuan memotong seksyen 18 yang tidak perlu kerana tafsiran "padang terbang" yang diberikan dalam Akta akan meliputi padang terbang Kerajaan.

8. *Fasal 10* bertujuan menggantikan Bahagian 8A dengan Bahagian 8A baru yang mengandungi seksyen 24A hingga seksyen 24M.

Seksyen baru 24A memberi Menteri kuasa untuk memberikan lesen kepada sesuatu syarikat yang dinamakan oleh Kerajaan Malaysia untuk mengadakan apa-apa perkhidmatan di sesuatu lapangan terbang ditetapkan. Pada masa memberikan lesen itu, Menteri dikehendaki menyatakan tempoh lesen itu, fee tahunan yang kena dibayar oleh syarikat berlesen itu, tugas-tugas tertentu syarikat berlesen itu dan apa-apa terma dan syarat lain yang difikirkannya patut.

Seksyen baru 24B(1) bertujuan memberi syarikat berlesen kuasa untuk memungut caj-caj dan fee-fee yang ditetapkan oleh Menteri di bawah peraturan-peraturan yang dibuat di bawah seksyen 3 (2) (*n*) dan (*nn*).

Seksyen baru 24c memperuntukkan bahawa syarikat berlesen boleh mengemukakan suatu memorandum kepada Menteri yang mengandungi cadangan-cadangan bagi apa-apa perubahan pada caj-caj dan fee-fee yang sedia ada yang ditetapkan di bawah perenggan 3 (2) (n) dan (nn) dan prosedur-prosedur bagi permohonan dan kelulusan yang sedemikian.

Seksyen baru 24D menghendaki Menteri, jika dia meluluskan memorandum di bawah subseksyen 24c(3), membuat peraturan-peraturan berkenaan dengan perubahan pada caj-caj dan fee-fee yang sedia ada.

Seksyen 24E bertujuan menyatakan tugas-tugas umum syarikat berlesen.

Seksyen 24F mengadakan peruntukan mengenai penalti am bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh syarikat berlesen di bawah Akta atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya jika tiada penalti yang nyata telah diperuntukkan. Hukumannya ialah denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh yang tidak melebihi lima tahun atau denda dan pemenjaraan itu kedua-duanya.

Seksyen 24G bertujuan membuat peruntukan bagi kesalahan yang dilakukan oleh pertubuhan perbadanan, termasuk pengarahnya, setiausahanya atau pengurusnya.

Seksyen 24H bertujuan memberikan kuasa pemeriksaan kepada Ketua Pengarah Penerbangan Awam untuk membolehkannya memeriksa mana-mana premis, bangunan atau kemudahan syarikat berlesen.

Seksyen 24I memberi Menteri kuasa untuk menggantung atau membatalkan lesen yang dikeluarkan kepada syarikat berlesen apabila mana-mana syarat lesen itu dilanggar. Subseksyen (3) seksyen 24I memberi syarikat berlesen peluang untuk membuat representasi-representasi berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan yang dicadangkan itu dan subseksyen (6) memperuntukkan bahawa keputusan Menteri adalah muktamad dan konklusif.

Seksyen 24J memberi Menteri kuasa untuk menggantung atau membatalkan lesen yang diberikan kepada syarikat berlesen apabila dilanggar mana-mana peruntukan Akta atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, jika Menteri berpuas hati bahawa pelanggaran atau ketakpatuhan itu serius sifatnya. Subseksyen (2) seksyen 24J memberi syarikat berlesen peluang untuk membuat representasi-representasi berkenaan dengan penggantungan atau pembatalan yang dicadangkan itu dan subseksyen (5) memperuntukkan bahawa keputusan Menteri adalah muktamad dan konklusif.

Seksyen 24K memberikan kuasa-kuasa khas kepada Yang di-Pertuan Agong dalam apa-apa darurat awam atau demi kepentingan keselamatan awam untuk memberikuasa Menteri menggantung lesen syarikat berlesen dan untuk mengambil milikan sementara mana-mana lapangan terbang ditetapkan dan mengadakan apa-apa perkhidmatan lapang terbang dan penerbangan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam atau dengan apa-apa jua cara yang difikirkan patut oleh Menteri atau untuk menarik balik penggunaan mana-mana lapangan terbang daripada orang ramai.

Seksyen 24L adalah berhubungan dengan tanah di Melaka dan Pulau Pinang yang dikuasai oleh Perkara 166 (3) Perlembagaan. Ia memperuntukkan bahawa Pihak Berkuasa Negeri boleh, apabila diminta oleh Menteri dan apabila dipohon oleh syarikat berlesen, sama ada membenarkan pendudukan, penggunaan, pengawalan dan pengurusan tanah itu oleh syarikat berlesen atau memberimilik tanah itu kepada syarikat itu, atas apa-apa terma dan syarat yang dipersetujui di antara Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri, dan syarikat berlesen.

9. *Fasal 11* bertujuan memotong seksyen 27A berbangkit daripada memasukan seksyen 24K.

10. Pindaan-pindaan lain kepada Akta ini yang tidak disebut secara khusus adalah yang berbangkit atau yang kecil sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1504.]